

14 JUN 2003

Abdullah-Makjun

ABDULLAH DEDAH MAKJUN YANG JADIKAN JOHOR BENTENG KUAT BN

JOHOR BAHRU, 14 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengupas dan mendedahkan formula "makjun" yang menurutnya menjadikan Johor sebagai benteng kuat Umno dan Barisan Nasional (BN)

"Apa makjun Johor guna?" kata Timbalan Perdana Menteri merujuk kepada keupayaan Umno dan BN di Johor mengekalkan prestasi kemenangan 100 peratus dalam dua pilihanraya umum yang lepas.

Abdullah yang juga timbalan presiden Umno berkata pertamanya ramuan makjun itu ialah Umno Johor bersikap terbuka, tidak "parokial" dan sentiasa membuka pintu menerima bakat-bakat baru yang membolehkan ramai menyertai Umno.

"Umno Johor tidak mengamalkan dasar tutup pintu... dengan sikap terbuka itu Umno Johor semakin kuat," katanya ketika merasmikan Konvensyen Umno Johor 2003 di sini hari ini.

Beliau berkata Umno Johor juga didapati kukuh semangat kekeluargaan dan muafakatnya, bukan sahaja di kalangan anggota dan pemimpin Umno sahaja tetapi turut melibatkan anggota dan pemimpin parti-parti komponen BN dalam pelbagai program yang giat dijalankan di peringkat akar umbi.

Abdullah berkata keakraban muafakat dan kerjasama BN di Johor itu tergambar bukan sahaja dalam program parti malah dalam banyak hal dan keadaan lain, dan tidak hanya ketika hendak menghadapi pilihan raya sahaja.

"Bila adakan kegiatan seperti majlis berbuka puasa, Umno Johor turut menjemput kawan-kawan dalam BN untuk turut terlibat dan kerjasama rapat ini bukan hanya ketika untuk menghadapi pilihan raya," katanya disambut tepukan gemuruh kira-kira 2,000 hadirin.

Beliau berkata Umno Johor juga berjaya mengimarahkan dan menceriakan parti dengan memastikan semua program yang dijalankan di peringkat negeri turut dipanjangkan ke peringkat bahagian dan cawangan yang membolehkan semua peringkat anggota parti melibatkan diri.

Makjun yang mujarab itulah, katanya, yang membolehkan Umno Johor bukan sahaja menjadi tulang belakang BN di negeri ini tetapi juga tiang seri kepada Umno Malaysia seperti yang sering diungkapkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Justeru, beliau berharap Umno Johor akan kekal sebagai tiang seri Umno Malaysia selepas pilihan raya umum akan datang, yang sekali gus menggambarkan harapan tinggi beliau untuk Umno Johor mengekalkan kemenangan 100 peratus bagi 26 kerusi Parlimen dan 56 kerusi Dewan Undangan Negeri.

Timbalan Perdana Menteri turut mengingatkan semua anggota dan pemimpin Umno bahawa mereka perlu sentiasa menjaga peribadi supaya tidak tercemar oleh sebarang perbuatan seperti salah guna kuasa dan rasuah demi memastikan Umno terus berwibawa.

Abdullah berkata usaha "Menjana Kesenambungan Perjuangan Melayu" yang menjadi tema konvensyen itu perlu dilihat dalam perspektif yang meluas kerana walaupun Umno satu-satunya parti yang bangga menjadi wadah perjuangan Melayu, ia juga turut menjadi tempat menggantung harapan bangsa lain.

"Perjuangan Umno tetap relevan di Malaysia untuk orang Melayu dan bukan Melayu," katanya sambil menjelaskan bahawa buktinya ialah kewujudan Perikatan pada satu masa dahulu, yang kini menjadi BN, tetapi tetap dengan Umno sebagai tunjang kekuatannya.

Mengenai sokongan padu yang diikrarkan oleh Umno Johor, Abdullah yang bakal mengambil alih teraju kepimpinan parti dan negara daripada Dr

Mahathir pada Oktober ini, berkata beliau tidak akan menghampakan sokongan kuat yang diberikan kepadanya.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang juga menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein, Ketua Pergerakan Puteri Umno Azalina Osman Said dan Setiausaha Agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat turut hadir pada majlis itu.

-- BERNAMA
MNY MHI NAK